

# DIGITALISASI HADITH DI MALAYSIA ANALISIS TERHADAP KEPERLUAN KRITERIA PEMBANGUNAN WEBSITE DAN SOFTWARE HADITH

*Khadher Ahmad*

*Ph.D. (Al-Hadith), Jabatan al-Quran dan al-Hadith, APIUM, Malaysia*

*Email: [khadher82@um.edu.my](mailto:khadher82@um.edu.my)*

---

## Abstrak

Pembangunan laman sesawang dan perisian hadith telah menjadi satu usaha penting dalam perkembangan pengajian hadith dan proses pembelajarannya. Medium internet menjadi tempat rujukan yang cepat dan pantas, serta menyediakan platform kepada kepelbagaian maklumat berkaitan dengan hadith. Namun demikian, masih timbul persoalan dan polemik yang mendakwa bahawa masih terdapat penyebaran maklumat palsu daripada hadith palsu, kesilapan terhadap teks hadith dan terjemahan dan sebagainya. Artikel ini bertujuan untuk menjelaskan keperluan dalam penetapan kriteria utama pembangunan laman sesawang dan software hadith. Melalui metode analisis induktif dan deduktif, hasil kajian mendapati terdapat sepuluh kriteria penting yang perlu ada dalam pembangunan website hadith iaitu [1] Kandungan teks hadith yang berbaris lengkap; [2] Terjemahan hadith yang telah disemak; [3] Maklumat sumber dan takhrij hadith; [4] Kefahaman Hadith Secara Ringkas; [5] Organisasi atau Panel yang bertanggungjawab dan mempunyai kelayakan; [6] Interface Yang Mesra Pengguna; [7] Lampiran Bentuk Shajarah Al-Asānid (Pemetaan Sanad Hadith); [8] Meletakkan Tema Kumpulan Hadith; [9] Pembahagian Hadith Berdasarkan Judul Kitab (Bagi Karya Jawi); [10] Penyediaan Hadith-Hadith Alternatif Bagi Hadith Yang Palsu. Kesimpulan, pentingnya kriteria dalam pembangunan laman sesawang dan perisian hadith ini tidak lain melainkan bagi tujuan untuk menjaga dan memelihara autoriti hadith itu sebagai sumber rujukan serta dapat dijadikan sumber rujukan terus kepada masyarakat pada hari ini.

**Kata kunci:** Pembangunan laman sesawang; *Website* Hadith; Software Hadith, Digitalisasi, Media Massa, Media Sosial

## PENGENALAN

Dunia digital pada hari ini tidak dapat dinafikan lagi berkembang dengan pesat. Pelbagai teknologi digital yang diperkenalkan untuk pelbagai tujuan dan matlamat yang merangkumi pelbagai keperluan dalam kehidupan manusia pada hari ini. Dalam satu laporan akhbar, Utusan Online, menyebutkan bahawa hasil kaji selidik bertajuk “Membentuk Implikasi Masa Depan Media Digital” yang dijalankan oleh Willis Towers Watson bekerjasama dengan Forum Ekonomi Dunia (WEF), terhadap 5,000 pengguna media digital di lima buah negara mendapati bahawa 50 peratus daripada responden bersetuju bahawa penggunaan media digital telah meningkatkan kualiti hidup mereka secara keseluruhan dari segi sosial dan profesional membabitkan pekerjaan, kerjasama dan membina hubungan dengan rakan-rakan.<sup>1</sup>

Bahkan, dalam era kini, media baharu dilihat lebih dominan berbanding dengan media tradisional atau media lama seperti media cetak, media elektronik, media siaran, dan media interpersonal yang lain. Dengan sebab itu juga, bentuk masyarakat pada era ini juga turut berlakunya perubahan. Jelasnya, masyarakat kini tidak lagi hidup dalam kumpulan-kumpulan kecil atau berpuak, malah era masyarakat massa yang dikaitkan dengan pengaruh media massa semakin hilang dan mulai digantikan dengan struktur masyarakat jaringan yang menyaksikan komunikasi bersemuka semakin digantikan dan ditambah dengan komunikasi berperantaraan.<sup>2</sup>

Demikian juga pada era Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) ini, kemahiran memanfaatkan dan menggunakan Internet untuk tujuan mencari, memindah, menyimpan dan memadamkan maklumat berasaskan kepada penggunaan komputer elektronik dan perisian (software) telah menjadi satu keperluan.<sup>3</sup> Perkara ini termasuk dalam perkara berkaitan dengan agama khususnya yang berkaitan dengan carian nas al-Quran dan hadith itu sendiri. Dalam erti kata, hadith dan ayat al-Quran bukan lagi dirujuk semata-mata kepada bahan bercetak, tetapi carianya telahpun dirujuk melalui carian internet berasaskan kepada perisian, laman sesawang, blog peribadi dan sebagainya.

---

<sup>1</sup> Utusan, <https://www.utusan.com.my/bisnes/ekonomi/bagaimana-media-digital-memberi-impak-1.188494>, diakses pada 23 Julai 2019.

<sup>2</sup> Siti Ezaleila Mustafa & Azizah Hamzah, (2011), Media Baharu yang Baharu: Trend Penggunaan Jaringan Sosial dalam Kalangan Pengguna di Malaysia, *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 2011, 13(2): 93–110.

<sup>3</sup> Nur Afiah Zakaria & Khalid, F., Manfaat Penerapan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam Pembelajaran Matematik serta Kekangannya, dalam Nabilah Othman, Chiang Wei Luan & Nurul Syaida Md Zuki. (ed.), *Pendidikan Abad ke-21: Peranan Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Cabarannya*. (Bangi: Fakulti Pendidikan UKM, 2016), 95-96.

Tidak dinafikan juga bahawa telah terdapat usaha yang dilakukan bagi menyediakan ruang atau platform yang khusus bagi hadith di internet sama ada dalam bentuk laman sesawang hadith atau perisian hadith yang lebih khusus dengan tujuan supaya dapat dimanfaatkan bersama dan menjadi rujukan kepada ramai pihak. Antaranya, Semak Hadis, Mutiara Hadis, E-Hadith, Mastika Hadith, Digital Hadith, Irsyad al-Qari, Fikrah.net, al-Nidaa', dan Projek My Masjid dan Ansarul Hadis.

Oleh itu, dalam usaha untuk menyebarkan hadith melalui platform tersebut, sudah pasti perlu dititikberatkan autentikasi dan kualiti hadith yang dikemukakan dan dipaparkan tersebut. Bahkan, sewajarnya maklumat yang tidak tepat, palsu atau dalam bentuk maklumat yang salah yang berkaitan dengan sesuatu hadith, tidak boleh diletakkan bagi paparan umum. Segala maklumat tersebut juga sentiasa perlu ditapis dan dipantau sewajarnya kerana apabila melibatkan hadith dan Sunnah, ia adalah berkaitan dengan urusan nas atau teks agama yang sewajarnya bersumberkan kepada sumber yang betul-betul sahih dan tepat fakta yang dibawa. Bukan bersumberkan andaian semata-mata.

Dengan itu, artikel ini melihat perlu kepada cadangan kriteria yang utama dan penting yang wajar diambil berat oleh pengasas laman sesawang atau perisian hadith dalam usaha menjadi keautorian hadith tersebut.

## **SKOP DAN METODOLOGI**

Fokus perbincangan dalam artikel ini adalah penjelasan terhadap beberapa kriteria utama yang perlu ada dalam proses pendigitalisasian hadith dalam usaha untuk pembangunan laman sesawang ataupun perisian berkaitan dengan hadith. Kriteria ini akan menjadi asas utama dan penting yang akan menjadi kayu ukur terhadap penilaian sesebuah laman sesawang atau perisian yang bakal dibangunkan khususnya melibatkan kepada pembangunan laman sesawang hadith atau perisian yang berkaitan dengan hadith. Keseluruhan dapat dianalisis berasaskan kepada analisis induktif dan deduktif.

Melalui analisis ini, data-data yang diperoleh akan dinilai dan dirangka atau dibina tema yang dapat mewakili sesuatu kriteria yang dibangunkan. Asas pembangunan kriteria ini adalah merujuk kepada pengaliksaan 'Ulum al-Hadith dalam proses periwayatan dan penerimaan hadith-hadith Nabi SAW.

## **KAJIAN BERKAITAN DENGAN *WEBSITE* DAN *SOFTWARE* HADITH**

Sebelum perbincangan yang lebih panjang berkenaan dengan isu ini, amat perlu diteliti dahulu kepada kajian dan penyelidikan lepas yang telah dilakukan berkaitan dengan usaha pemeliharaan hadith di internet khususnya dalam aspek penyebaran hadith melalui laman sesawang atau apa-apa perisian. Penelitian ini akan dapat memberikan satu gambaran jelas terhadap keperluan penting dalam pembangunan sesebuah laman sesawang serta keperluan yang perlu dititik beratkan dalam usaha untuk menjaga kualiti maklumat yang akan disalurkan, cara pemantauan dan sebagainya lagi.

Berdasarkan kepada carian yang dilakukan, telah terdapat beberapa usaha penyelidikan yang dilakukan terhadap beberapa laman sesawang dan aplikasi hadith. **Shahril Nizam Zulkipli** dalam kajian diperingkat sarjana (master), beliau telah meneliti laman web *al-Durar al-Saniyyah* dan *Islamweb* dalam konteks pemeliharaan hadith di internet.<sup>4</sup> Perkara ini diketahui bahawa kedua-dua laman web ini telah menjadi rujukan dalam kalangan penyelidik dan pelajar dalam bidang hadith khususnya dalam carian dan mendapatkan maklumat berkenaan sumber dan status hadith. Bahkan, dalam tulisan beliau yang lain, Shahril Nizam bersama dengan 2 orang penulis yang lain, memperincikan perbincangan terhadap terhadap laman *Islamweb* sebagai medium capaian dalam pembelajaran bagi capaian teks hadith yang berautoriti.<sup>5</sup> Usaha penelitian yang sama juga dilakukan oleh Syed Hasan, S. N, di mana beliau memperincikan perbincangan dan penelitian terhadap laman web *al-Durar al-Saniyyah*. Namun, dalam kajian itu, **Syed Najihuddin S.H**, memberi fokus penyelidikan terhadap aplikasi dan keberkesanan laman web berkenaan dalam proses pembelajaran dan pengajaran hadith yang disasarkan kepada pensyarah dan juga para pelajar dari Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).<sup>6</sup> Sebelum daripada itu, Syed Najihuddin S.H,<sup>7</sup> telah meneliti persepsi dalam kalangan pensyarah

---

<sup>4</sup> Shahril Nizam Zulkipli, (2012) *Pemeliharaan Hadith di Internet: kajian terhadap laman web al-Durar al-saniyyah dan Islamweb*. (Disertasi Sarjana, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012).

<sup>5</sup> Shahril Nizam b. Zulkipli, M. Faidz b. M.Fadzil & Ishak b. Hj. Suliaman, (2011), *Pembelajaran Capaian Teks Hadith Berautoriti Di Internet: Kajian Terhadap Laman Sesawang Islamweb*. dlm, Fauzi Deraman, et.al, *Sunnah Nabi: Realiti dan Cabaran Semasa*, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

<sup>6</sup> Syed Hasan, S. N. (2015). Laman web *al-Durar al-Saniyyah*: Aplikasi dan Keberkesanan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kajian Hadis dalam Kalangan Pensyarah dan Pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunah, USIM. *Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*, 10(11): 194-220.

<sup>7</sup> Syed Najihuddin S.H, et al. (2009), "Persepsi Pensyarah Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah Usim Terhadap Penggunaan Laman Web *Al-Durar Al-Saniyyah* Dalam Mentakhrijkan Hadith"

Pengajian Quran Dan Sunnah, USIM terhadap penggunaan laman web *Al-Durar Al-Saniyyah* dalam mentakhrijkan hadith. Selepas itu, baru melihat kepada keberkesanan laman web tersebut.

Manakala, usaha kajian yang lain adalah lebih kepada cadangan pembangunan laman web hadith berbahasa Melayu yang merupakan satu cabaran penting pada masa ini. Idea ini telah dikemukakan oleh **Mohd. Yusuf Ismail** et.al, (2011),<sup>8</sup> yang melakukan kajian secara diskriptif. Mereka telah mengkhususkan penelitian terhadap tiga (3) laman sesawang berikut:

- i. <http://hadis.cikedis.com/>
- ii. <http://koleksihadisnabi.blogspot.com/p/sahih-bukhari.html>
- iii. [http://www3.pmo.gov.my/WebNotesApp/hadism.nsf/webhadis\\_malay?OpenFrameSet](http://www3.pmo.gov.my/WebNotesApp/hadism.nsf/webhadis_malay?OpenFrameSet).

Melalui penelitian tersebut mereka mencari ruang serta menjelaskan cabaran dalam mengaplikasikan kemudahan teknologi maklumat untuk tujuan penyebaran hadis serta cabang ilmu yang berkaitan dengannya.

Selain ini, antara aplikasi yang mendapat liputan kajian yang agak meluas adalah *al-Maktabah al-Syamilah*. Aplikasi diketahui sebagai enjin cari hadith yang sangat meluas disebabkan oleh koleksi kitab yang pelbagai dalam pelbagai bidang. Bukan terhad kepada bidang hadith sahaja, tetapi merangkumi fiqh, tasawuf, tafsir, akidah, fiqh empat mazhab, mu`jam, dan sebagainya. Contohnya kajian oleh **Untung Margono Muhadi** (2009)<sup>9</sup> yang merupakan kajian terawal yang mengkaji tentang keistimewaan *al-Maktabah al-Syamilah* dalam mentakhrij hadith. Beliau menjelaskan secara terperinci manual ringkas carian hadith berasaskan *al-Maktabah al-Syamilah* tersebut. Kemudian, **Ahmad Munjin Nasih** et.al, (2018) pula melihat dari aspek manfaat *al-Maktabah al-Syamilah* sebagai rujukan digital dalam perbincangan terhadap pelbagai persoalan dan permasalahan dalam kalangan guru-guru pesantren di Kota Malang.<sup>10</sup> Dalam penelitian ini, pengkaji telah mempraktikkan penggunaan *al-Maktabah al-Syamilah* dalam membantu menyelesaikan permasalahan hukum dalam kalangan guru-guru di pesantren tersebut.

---

(Kertas Kerja Seminar Takhrij Hadith Nusantara: Realiti dan Keperluan Dalam Masyarakat di Universiti Malaya, 30-31 September 2009).

<sup>8</sup> Mohd. Yusuf Ismail, Mohd. Zaini Zakaria & A. Irwan Santeri Doll Kawai, (2011), Laman Sesawang Hadis Dalam Bahasa Melayu: Satu Kajian Diskriptif, dlm. Fauzi Deraman, *Sunnah Nabi: Realiti dan Cabaran Semasa*, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>9</sup> Untung Margono Muhadi (2009), "Keistimewaan Maktabah Syamilah Dalam Mentakhrij Hadis" (Kertas Kerja Seminar Takhrij Hadith Nusantara: Realiti Dan Keperluan Dalam Masyarakat di UM Kuala Lumpur, 30-31 Disember 2009).

<sup>10</sup> Ahmad Munjin Nasih, Lilik Nur Kholidah & Muhammad Rohman, (2018), Pemanfaatan *al-Maktabah al-Syamilah* untuk Penelurusan Referensi Digital Dalam Bahtsul Masail Bagi Guru-Guru Pesantren di Kota Malang, *Jurnal KARINNOV*, 2018, 1(1):56-63.

Dalam tulisan **Nur Aris** pula, beliau telah memperkenalkan *al-Maktabah al-Syamilah* sebagai Digital Library.<sup>11</sup> Asas utama adalah konsep Digital Library sebagai kerangka dalam perbahasan kemudian menjadikan *al-Maktabah al-Syamilah* sebagai sample penelitian. Beliau menyatakan bahawa *al-Maktabah al-Syamilah* merupakan contoh paling baik sebagai sebuah projek Digital Library kerana memiliki keunggulan jika dibandingkan dengan perpustakaan manual. Bahkan, ia juga mempunyai fasiliti pencarian informasi (maklumat) yang sangat mudah, cepat dan berkesan.<sup>12</sup>

Selain ini, terdapat juga penyelidik yang berusaha untuk mencadangkan ke arah pembangunan laman web atau aplikasi yang disesuaikan dengan keperluan dalam Revolusi Industri 4.0 dan realiti masyarakat yang bergantung kepada ICT pada hari ini. Mereka turut memfokuskan ke arah pembangunan digital hadith. Antaranya, **Shahril Nizam, Z.**, et.al, (2018) dalam artikel beliau<sup>13</sup> cuba meneliti dan menghuraikan aspek dan kriteria ilmu *takhrij hadis* yang perlu ada dalam setiap Aplikasi Hadis Digital (AHD) serta cuba untuk mengenalpasti AHD yang paling popular dalam kalangan akademia dan pelajar bidang hadis di Universiti Awam (UA) terpilih di Malaysia. Dalam perkara ini beliau mencadangkan agar dibangunkan aplikasi telefon mudah alih berkaitan dengan hadith sesuai dengan sistem pembelajaran melalui *Mobile Learning* atau *M-Learning*. Bahkan dalam merealisasikan gagasan Revolusi Industri 4.0 itu sendiri. Melalui usaha ini akan dapat memberikan pengalaman baru kepada generasi baru dengan menyediakan capaian yang lebih mudah dan rangkaian yang lebih meluas dari segala cakupan ilmu dikehendaki khususnya dalam bidang hadith.

Apa yang dicuba diketengahkan oleh Sharil Nizam ini, turut disebutkan oleh **Phayilah Yama**, et.al, (2018) yang mana mengemukakan cadangan dalam pembangunan aplikasi mobil dengan tujuan untuk pemetaan *Shajarah al-Asanid* (rantai sanad) berasaskan kepada rujukan sanad dalam kitab Sahih Muslim. Ia merupakan satu kertas kerja yang dibentangkan dalam satu seminar antarabangsa di Putrajaya.<sup>14</sup>

---

<sup>11</sup> Nur Aris, (2015), Digital Library: Mengenal al-Maktabah al-Syamilah, *LIBRARIA: Jurnal Perpustakaan*, 3(2): 166-180.

<sup>12</sup> *Ibid.*, 172.

<sup>13</sup> Shahril Nizam, Z., Norazmi, A., Mohd Syukri, M. N., Amran, A. H., Ahmad Sanusi, A., Syed Najihuddin, S. H., & Zulkifli, M.G. (2018), Prestasi Aplikasi Hadis Digital (AHD) dalam Persekitaran Interaktif, *Proceedings, The 5th World Conference on Islamic Thought & Civilization*, 16-18 July 2018 di Casuarina Meru, Ipoh, Perak, 57-66.

<sup>14</sup> Phayilah Yama, et.al, (2018), Membangunkan Aplikasi Mobil Untuk Pemetaan Syajarat Alasanid Dalam Kitab Sahih Muslim, Kertas Kerja, 5th International Research Management & Innovation Conference (5th IRMIC 2018), Palm Garden Hotel, Putrajaya, 7 Ogos 2018.

Kemudian, **Mohd Syukri, M. N et.al, (2018)**<sup>15</sup> pula, berusaha untuk menghuraikan isu dan cabaran pendigitalan hadis pada masa kini serta kaitannya dengan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) yang menjadi trend semasa negara. Beliau memetik pandangan Syed Najihuddin, S. H (2010) yang mengatakan bahawa dalam pendigitalisasian hadith pada era kini sangat penting atas faktor melicinkan proses pengajaran dan pembelajaran hadith, boleh menjimatkan masa, tenaga dan wang, menarik lebih banyak minat pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran hadith, membantu dalam meningkatkan daya ingatan pelajar terhadap hadith, memperkayakan pengalaman pelajar dalam pembelajaran dan pengajaran, dan mengelak daripada berlakunya salah faham terhadap hadith secara tidak langsung.<sup>16</sup>

Keseluruhannya jelas menunjukkan bahawa usaha dalam pembangunan digital hadith berasaskan kepada pembangunan laman sesawang atau aplikasi masih mempunyai ruang yang sangat luas. Penelitian daripada pelbagai aspek secara berperingkat, mungkin suatu ketika nanti akan dapat direalisasikan satu laman sesawang atau aplikasi dalam bidang hadith yang betul-betul dapat diambil manfaat oleh masyarakat Islam di Malaysia itu sendiri.

## **HASIL KAJIAN**

### **Cadangan Kriteria Utama Dalam Pembangunan Website Hadith**

Berdasarkan kepada penelitian dan analisis yang telah dijalankan, terdapat lima (5) kriteria utama yang sangat penting dalam pembangunan laman sesawang (*website*) hadith iaitu:

#### **[1] Kandungan Teks Hadith Yang Berbaris Lengkap**

*Website* hadith sedia ada kebanyakannya tidak menyediakan teks hadith berbahasa Arab dengan baris yang lengkap, bahkan terkadang langsung tidak diletakkan teks Arab hadith tersebut. Sepatutnya, teks Arab turut disertakan bagi memudahkan sesuatu carian hadith dengan menggunakan *keyword* mengenai hadith tersebut. Bahkan, telah diketahui bahawa *website* yang dihasilkan ini bertujuan untuk memaparkan hadith sama ada mewakili sebuah laman yang lengkap berkenaan hadith atau hanya sebahagian sahaja berkaitan dengan paparan hadith. Oleh yang demikian, pada pandangan pengkaji, tidak cukup hanya membawa terjemahan hadith sahaja atau turut memaparkan teks hadith berbahasa Arab, tetapi tidak dibariskan dengan lengkap. Hal ini kerana,

---

<sup>15</sup> Mohd Syukri, M. N., Norazmi, A., Shahril Nizam, Z., Amran, A. H., Ahmad Sanusi, A. & Syed Najihuddin, S. H, (2018), Pendigitalan Hadis dalam Kerangka Revolusi Industri 4.0, *Proceedings, The 5th World Conference on Islamic Thought & Civilization*, 16-18 July 2018 di Casuarina Meru, Ipoh, Perak, 67-82.

<sup>16</sup> *Ibid.*, 70.

dalam ruangan internet sesiapa sahaja boleh merujuk tanpa sebarang batasan, yang mana ada kemungkinan sebahagian daripada orang yang merujuk kepada *website* tersebut bukan dari kalangan mereka yang memahami Bahasa Arab, atau tidak semua boleh membaca tulisan Arab kecuali dibariskan bagi mengelak berlaku pelbagai kemungkinan.

Dari itu, teks hadith yang berbaris lengkap ini penting bagi memudahkan pengguna daripada pelbagai lapisan masyarakat untuk membaca dan merujuk kepada hadith. Contohnya, hadith tentang nafas orang yang berpuasa;

لَخُلُوفٌ فَمِ الصَّائِمِ أَطْيَبُ عِنْدَ اللَّهِ مِنْ رِيحِ الْمُسْنَكِ

Terjemahan: *Bau mulut orang yang berpuasa lebih wangi di sisi Allah daripada bau minyak Kasturi.*<sup>17</sup>

Kebiasaannya, dijumpai ada yang membaca kalimah (لَخُلُوفٌ) ini dengan baris *fathah* (atas) sedangkan baris yang tepat adalah *Dommah*. Jadi perubahan baris di dalam bahasa Arab ini akan membawa maksud yang berlainan.

Justeru, dengan kandungan teks hadith yang dibariskan lengkap ini sangat penting dalam memaparkan kepada orang ramai, dengan matlamat utamanya adalah untuk mengelak daripada kesalahan dalam baris yang boleh membawa maksud yang berbeza atau hukum yang berbeza. Bahkan secara langsung juga dapat membantu golongan yang tidak memahami struktur Bahasa Arab, atau langsung tidak memahami dan membaca teks Arab kecuali yang dibariskan seperti teks al-Quran.

## [2] Terjemahan Hadith Yang Telah Disemak

Memandangkan bahawa website yang akan dihasilkan sasarannya adalah kepada masyarakat setempat khususnya di Malaysia, tidak semua masyarakat Islam dapat memahami Bahasa Arab dengan baik, ataupun sebahagian yang lain tidak langsung mengetahui tentang Bahasa Arab. Dari itu, setiap teks hadith Bahasa Arab yang telah diletakkan dalam website atau dimasukkan dalam laman sesawang tersebut perlu dinyatakan terjemahannya yang lengkap sesuai dengan kandungan dalam teks asal Bahasa Arab.

Walaupun demikian, hendaklah dipastikan bahawa terjemahan yang dinyatakan bersama teks hadith berbahasa Arab tersebut telah disemak dengan teliti oleh seorang pakar atau sekumpulan individu yang mempunyai kemahiran Bahasa dan memahami hadith dengan baik. Dalam penelitian yang dilakukan, dapati bahawa kebanyakan terjemahan hadith di dalam *website* hadith adalah

---

<sup>17</sup> Muḥammad bin ‘Īsā bin Sawrah, *Sunan al-Tirmidhī*, ed. Aḥmad Shākir (Miṣr: Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1975), [hadith 764], 3:127.



berdasarkan terjemahan literal teks tanpa merujuk kepada kitab *Shurūh al-Hadīth* (kitab-kitab huraian hadith). Apabila perkara sedemikian dilakukan maka terjemahan yang ada dalam *website* hadith tersebut mempunyai autoriti sebagai rujukan dan merupakan terjemahan yang tepat sesuai dengan maksud yang dikehendaki sama ada dari sudut teksual atau konteksualnya. Maka, kefahaman terhadap teks hadith lebih tepat dan dapat mengelak daripada salah faham terdapa maksud sebenar teks tersebut.

Oleh sebab itu, dengan adanya terjemahan hadith dalam Bahasa Melayu yang telah melalui proses semakan dan saringan sehingga mampu menyediakan satu terjemahan teks yang tepat mengikut kaedah-kaedah dalam ilmu hadith. Bahkan, terjemahan hadith mesti diseimbangkan dengan syarahan daripada *al-Shārih*<sup>18</sup> kitab hadith berkenaan. Hal ini kerana, ulama yang mensyarahkan kitab hadith lebih memahami maksud hadith-hadith Nabi SAW berbanding orang yang melakukan terjemahan hanya semata-mata bergantung pada literal teks.

### [3] Maklumat Sumber Dan Takhrij Hadith

Apabila pembangunan *website* dibangunkan, pada teks hadith Bahasa Arab dan terjemahannya, amat perlu bahkan aspek yang wajib ada adalah berkenaan dengan sumber dan takhrij bagi hadith. Maklumat berkenaan dengan sumber dan takhrij ini amat penting bagi sesiapa yang terlibat secara khusus dalam pengajian hadith. Bahkan, diketahui umum bahawa hadith yang merupakan sumber perundangan Islam dan sumber dalam ibadah yang perlu dipastikan kesahihannya sebelum dapat dijalankan sebagai dalil dan hujjah. Dengan menyatakan sumber hadith dan melakukan proses takhrij terhadap hadith-hadith yang mahu dipaparkan dalam laman sesawang hadith, maka ia adalah sangat bagi. Maklumat sumber dan takhrij tersebut akan dapat menjadi panduan kepada ramai pihak.<sup>19</sup>

Bahkan, bagi pengkaji hadith, penceramah yang ingin menyampaikan ilmu dan juga pendengar kerana mereka dengan secara mudahnya akan dapat merujuk hadith-hadith yang ingin disampaikan mahupun orang yang menerima penyampaian tersebut berserta mengetahui dengan jelas status hadith-hadith tersebut. Maka, tidak akan timbul tersebarnya hadith palsu dalam kalangan masyarakat melalui pentas-pentas dakwah yang disebar dalam media massa dan media sosial pada hari ini.

---

<sup>18</sup> Ulama yang mensyarahkan kitab hadith.

<sup>19</sup> Dalam memahami berkaitan dengan Takhrij Hadith dan manualnya, boleh dirujuk kepada tulisan berikut: Faisal Ahmad Shah, *Takhrij Hadith: Teknik Pencarian Hadith Yang Tepat dan Berkesan*, (Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, APIUM, 2010) dan Fadlan Mohd Othman, *Praktikal Takhrij Hadis Via IT*, (Bandar Baru Bangi, Selangor: Bayyinah Enterprise, 2018).

Pada pandangan pengkaji, dalam menyatakan sumber hadith, sekurang-kurang bagi setiap hadith yang dipaparkan perlu dimasukkan maklumat utama iaitu:

- i. Sumber hadith seperti Sahih al-Bukhari, Musnad Imam Ahmad, Sunan Abu Dawud dan sebagainya daripada kitab-kitab matan (*Kutub al-Mutun*)
- ii. Maklumat Kitab (topik utama bagi hadith) seperti Kitab al-Solah, Kitab al-Zakah, Kitab al-Jihad dan sebagainya.
- iii. Maklumat Bab iaitu merujuk kepada nama sub topik seperti Bab al-Sihr, Bab Fadl al-‘Ilm, Bab al-Fahm fi al-‘Ilm dan sebagainya.
- iv. Meletakkan nombor hadith yang lengkap, seperti no.hadith 7887.
- v. Menyatakan status hadith apabila sumber hadith bukan daripada sumber Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim. Jika hadith tersebut sahih, memadai dengan hanya menyatakan sahih tanpa perlu disebutkan perinciannya melainkan hanya menukilkan pandangan ulama. Namun, jika hadith tersebut da`if, maka perlu untuk menyebutkan dengan jelas dengan menukilkan pandangan ulama yang menyatakan sebab-sebab da`if atau lemah sesuatu hadith itu.

Antara contohnya maklumat hadith atau sumbernya adalah seperti berikut:

Hadith riwayat al-Tirmidhi, Kitab Al-Ahkam an Rasul Allah Salla Allah alaihi wa sallam, Bab Ma Ja‘a fi Fadl al-Ghars, no. Hadith 1382. Hadith *Hasan Sahih* menurut al-Tirmidhi. Muhammad ‘Isa bin Sawrah bin Musa bin al-Dahhak, *Jami` al-Tirmidhi*, ed. Muhammad Fu‘ad ‘Abd al-Baqi, (Mesir: Sharkah Maktabah wa Matba‘ah Mustaffa al-Babi al-Halabi, 1975), 3: 658.

#### [4] Kefahaman Hadith Secara Ringkas

Hadith mesti difahami dengan tepat dan benar, jika tidak kita akan termasuk dalam golongan yang diancam oleh Nabi SAW dalam sabdanya:

مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ فَلْيَبْئِثْهُ مَعْدَهُ مِنَ النَّارِ

Terjemahan: *Sesiapa yang berdusta ke atasku maka nerakalah tempatnya.*<sup>20</sup>

---

<sup>20</sup> Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, *al-Jāmi‘ al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar min ‘Umūr Rasūlillāh SAW wa Sunanihi wa Ayyāmihī*, ditahqiqkan oleh Muḥammad Zuhayr bin Nāṣir al-Nāṣir (Beirut: Dār Ṭūq al-Najāh, 2002), [hadith 107], 1:33.

Hadith tidak boleh difahami secara semberono dengan mengetahui terjemahannya sahaja kemudian dikeluarkan kefahamannya. Untuk memahami sesuatu hadith ulama telah menetapkan garis panduan yang sistematik dan tepat. Antaranya, buku yang ditulis oleh Dr. Yūsuf al-Qardāwī yang berjudul *Kayfa Nata'āmal Ma'a al-Sunnah al-Nabawiyyah Ma'ālim wa Ḍawābiḥ* dan terdapat juga buku garis panduan memahami hadith berbahasa Melayu oleh Prof. Madya Dr. Faisal Ahmad Shah dengan judulnya *Kaedah Tepat Memahami Hadis*. Kedua-dua buku ini membincangkan bagaimana kaedah yang tepat dan benar bagi memahami hadith Nabi SAW. Perlu diingat kefahaman hadith bukan sesuatu yang mudah untuk dicapai melainkan seseorang itu mempunyai penguasaan bahasa Arab yang mantap, memahami faktor geografi sesuatu hadith disampaikan<sup>21</sup>, mengetahui tema perbincangan sesuatu hadith dan sebagainya.<sup>22</sup>

Selain itu, bahagian ini penting kerana perkara ini terkait dengan perkataan Nabi SAW, maka mahu tidak mahu kefahaman secara ringkas pada *website* hadith perlu diletakkan bagi mengelakkan orang yang tidak mempunyai latar belakang hadith tersalah dalam memahami sesuatu hadith.

Dalam konteks kefahaman hadith ini, pengkaji mencadangkan jika ada kemampuan untuk menjelaskan dengan perbincangan yang panjang yang dapat memberi kefahaman yang menyeluruh adalah sangat baik. Namun, mungkin dalam menjelaskan kefahaman hadith, dijelaskan beberapa fawa'id atau pengajaran atau isi-isi utama yang boleh dikeluarkan daripada hadith. Lalu disenaraikan satu persatu supaya apabila pembaca meneliti hadith dapat memahami hadith secara tidak langsung.

#### **[5] Organisasi atau Panel Yang Bertanggungjawab Dan Mempunyai Kelayakan**


Kriteria ini penting bagi memastikan web hadith yang memuatkan hadith-hadith Nabi SAW disahkan dahulu kesahihannya. Maka, dengan keberadaan organisasi atau panel yang bertanggungjawab dalam sesuatu laman sesawang atau web hadith, setiap kemusykilan dapat dirujuk kepada organisasi tersebut. Berikut merupakan contoh carta alir organisasi yang terlibat dalam penyediaan pangkalan data hadith bagi setiap *website* hadith;<sup>23</sup>

---

<sup>21</sup> Ali Mustafa Yaqub, *Cara Benar Memahami Hadis*, terj. Mahfudh Hidayat Lukman (Jakarta: Pustaka Firdaus, 2016), 77.


<sup>22</sup> Faisal Ahmad Shah, *Kaedah Tepat Memahami Hadis* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press, 2017).

<sup>23</sup> Shahril Nizam Zulkipli dan Ishak Sulieman, *Autoriti Hadis Di Internet*, 69.



**Rajah 1.0 Contoh Organisasi atau Panel yang terlibat dalam Penyediaan Pangkalan Data Hadith**

Seterusnya, adalah contoh gerak kerja penyediaan pangkalan data hadith kitab jawi;



**Rajah 1.1 Kerangka Gerak Kerja Penyediaan Pangkalan Data Hadith bagi Kitab Jawi**

Kerangka gerak kerja penyediaan pangkalan data hadith bagi kitab jawi di atas adalah hasil adaptasi daripada contoh gerak kerja penyediaan pangkalan data hadith berautoriti yang dirangka oleh Shahril Nizam Zulkipli dan Prof Madya. Dr. Ishak Suliaman.<sup>24</sup>

Pada pandangan pengkaji, aspek ini sangat penting sebagai sebuah organisasi atau satu kumpulan pakar yang terlibat secara langsung dalam menjaga kualiti teks hadith daripada berlaku kesilapan termasuk dalam aspek

<sup>24</sup> *Ibid.*

terjemahan dan sumber bagi sesuatu hadith. Lagi banyak teks yang dimasukkan, maka lagi banyak kemungkinan untuk terdedah kepada kesilapan dan kesalahan. Dengan usaha dan kerjasama dalam organisasi secara langsung maka kesilapan dan kesalahan akan dapat dikurangkan semanima yang mungkin.

#### [6] *Interface Yang Mesra Pengguna*

Tujuan pembangunan *website* hadith adalah untuk memudahkan masyarakat mengakses hadith-hadith dengan mudah, sama ada mereka daripada golongan pengajar, pendengar ataupun orang biasa yang berkeinginan untuk mengetahui tentang hadith. Namun, sekiranya *interface* sesuatu *website* hadith susah untuk dikendalikan maka sesuatu *website* hadith itu lama-kelamaan akan ditinggalkan dan tidak digunakan. Hal ini kerana, tidak semua lapisan masyarakat mempunyai kecekapan yang sama dalam menggunakan sesuatu teknologi.

Pembangunan web hadith mesti dibangunkan dengan menyeluruh, kerana sesuatu *website* yang canggih dan gempak pada aspek *interface* serta pengendalian tidak berguna sekiranya tidak diselaraskan dengan kandungan (*content*) yang baik. Begitu juga, sekiranya kandungan sesuatu *website* itu bagus tetapi *interface* sukar dikendalikan maka *website* tersebut masih belum mencapai tahap yang relevan.<sup>25</sup>

Dalam aspek ini, kreativiti adalah amat penting dalam menyajikan info dan maklumat yang akan dipaparkan. Kemahiran dalam membangunkan *website* yang canggih, kreatif, dan bersifat mesra pengguna adalah sangat dituntut supaya sesiapa sahaja yang melayari dapat memahami dan mengambil maklumat berkaitan dengan hadith lebih mudah dan cepat.

#### [7] *Lampiran Bentuk Shajarah Al-Asānid (Pemetaan Sanad Hadith)*

Paparan *Shajarah al-Asānid* (pemetaan sanad hadith) penting bagi sesebuah *website* hadith untuk menzahirkan keadaan sesuatu sanad hadith itu dari segi kebersambungan sanad. Kemudian, untuk mengenal pasti hal keadaan para perawi (*transmitter*) sesuatu hadith sama ada bermasalah atau tidak. Perkara ini belum lagi dilakukan oleh mana-mana *website* hadith di Malaysia.


Namun, terdapat satu *website* dan aplikasi dari Indonesia yang telah melampirkan senarai sanad iaitu *Ensiklopedia Hadits Kitab 9 Imam*.<sup>26</sup> *Website* dan aplikasi ini sangat mudah untuk diinstall ke dalam sistem *windows*, *android* dan juga *ios*. *Ensiklopedia* ini turut menyediakan terjemahan hadith ke

---

<sup>25</sup> David A. Crowder, *Building a Web Site For Dummies* (Indianapolis: Wiley Publishing, 2004), 15.

<sup>26</sup> Lidwa Pusaka, "Ensiklopedia Hadits Kitab 9 Imam", laman sesawang *Lidwa.com*, dicapai 24 Mei 2019, <http://store.lidwa.com/get/>.

dalam bahasa Indonesia dan sanad lengkap serta kredibiliti seseorang perawi hadith. Hal ini memudahkan masyarakat untuk mengetahui tentang sesuatu status hadith dan terjemahan secara langsung. Walaupun begitu, *website* ini tidak melampirkan sanad dalam bentuk pemetaan. Boleh rujuk rajah di bawah:



Sumber: Aplikasi android Ensiklopedia Hadits Kitab 9 Imam

Oleh itu, sekiranya dapat diwujudkan satu *website* hadith yang dapat melampirkan *Shajārah al-Asānid* dalam bentuk pemetaan maka sesuatu carta alir sanad itu akan lebih jelas menunjukkan sesuatu perpindahan hadith itu berlaku dari seorang perawi kepada seorang perawi yang lain.

### [8] Meletakkan Tema Kumpulan Hadith

Perletakan tema kumpulan hadith memudahkan pengguna untuk mencari hadith sesuai dengan kehendak mereka. Malah, masa pencarian bagi sesuatu hadith dapat dipercepatkan. Perkara ini penting bagi pengguna yang menggunakan bagi tujuan penyelidikan mahupun pengajaran. Secara tak langsung pengguna dapat memaksimumkan penggunaan teknologi terkini dengan sebaiknya.

### [9] Pembahagian Hadith Berdasarkan Kitab Jawi

Dalam konteks nusantara khususnya Malaysia, masyarakat banyak menggunakan kitab-kitab jawi lama ketika sesi pembelajaran dan pengajaran mereka di pondok, masjid dan institusi-institusi pengajian talaqqi moden. Kebanyakan kitab jawi lama tersebut mengandungi hadith-hadith Nabi SAW. Maka, sekiranya ada pihak yang ingin mencari rujukan hadith-hadith tersebut

mereka boleh merujuk kepada laman sesawang hadith yang menyediakan takhrij dan sumber hadith berdasarkan kitab-kitab jawi yang dikehendaki.

Oleh yang demikian, pembahagian hadith berdasarkan kitab-kitab jawi khususnya, penting bagi memanfaatkan karya-karya ulama terdahulu di benua nusantara. Dalam masa yang sama, website hadith tersebut dapat mengangkat keberadaan kitab-kitab jawi dalam arus perdana di Malaysia.

### [10] Penyediaan Hadith-Hadith Alternatif Bagi Hadith Yang Palsu

Kebanyakan *website* hadith di Malaysia hanya memaparkan hadith-hadith palsu yang menjadi pengamalan dalam masyarakat Melayu. Namun, pengelola web sedia ada tidak langsung memberi jalan alternatif buat masyarakat dengan menyediakan hadith-hadith *maqbul* yang boleh menggantikan hadith palsu tersebut. Hal ini kerana, terkadang amalan yang dilakukan itu benar cuma tidak disandarkan pada dalil yang tepat dan benar. Maka, dengan wujudnya penyediaan hadith-hadith alternatif, masyarakat tidak perlu berhenti daripada melakukan amalan tersebut dan masih lagi boleh mengamalkan amalan tersebut seperti sediakala.

Pada pandangan pengkaji, permasalahan utama yang membawa kepada tersebarnya hadith palsu dan masih dijadikan sebagai sumber amalana atau hujah adalah disebabkan masyarakat tidak dididik untuk mendapatkan alternatif kepada hadith-hadith palsu tersebut. Keadaan ini membawa kepada kebergantungan masyarakat hanya kepada suatu sumber yang sedia ada terpapar atau apa sahaja yang mudah diperoleh melalui layar maya internet tersebut. Tidak dinafikan kekurangan ilmu pengetahuan tentang ilmu hadith dan hadith itu sendiri yang menyebabkan perkara ini berlaku. Tetapi sekiranya mereka dalam mencari maklumat berkaitan suatu amalan, lalu disajikan antara hadith palsu yang berkaitan, dan disertakan bersama hadith sahih atau maqbul yang boleh dijadikan hujah, maka secara tidak langsung masyarakat akan lebih mudah faham dan dapat membuat penilaian yang sewajarnya. Alternatif ini sangat penting, bukan hanya bersikap menyalahkan sahaja, tetapi menyediakan ruang bagi mereka membetulkan kesalahan tersebut.

Sebagai contoh hadith yang masyhur berkaitan dengan kelebihan ibu dan bapa seperti:

الْجَنَّةُ تَحْتَ أَقْدَامِ الْأُمَّهَاتِ

“Syurga itu di bawah tapak kaki para ibu”

Ibn Taimiyah berkata: Tiada bukti bahawa lafaz hadith ini daripada Rasulullah s.a.w, tetapi maknanya menunjukkan sifat hormat dan rendah diri kepada para ibu yang menjadi sebab untuk masuk syurga. Malah az-Zahabi

menyebut hadith ini di dalam *Mizan al-I'tidal* daripada Ibn ‘Abbas secara marfu’ iaitu susur galurnya sampai kepada Rasulullah s.a.w. tetapi dalam sanadnya terdapat Musa bin Muhammad bin ‘Ata’. Terdapat pelbagai pandangan terhadap sanad ini.

1. Menurut Abu Zur‘ah dan Abu Hatim mengatakan bahawa “Musa bin Muhammad bin ‘Ata’ adalah **pendusta**”.
2. an-Nasa’I berkata: “Dia **tidak Thiqah**”
3. al-Daruqutni: Hadith ini **Matruk** (ditinggalkan hadithnya).

Sedangkan ada hadith yang sahih yang kuat dan boleh dijadikan hujah membenarkan tentang kelebihan ibu bapa seperti:

عَنْ مُعَاوِيَةَ بْنِ جَاهِمَةَ، أَنَّ جَاهِمَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: إِنِّي  
أَرَدْتُ أَنْ أَعَزُّوَ فَجِئْتُ أَسْتَشِيرُكَ. قَالَ: «أَلَاكَ وَالِدَةٌ؟» قَالَ: نَعَمْ، قَالَ: «أَذْهَبَ فَالْزَمَهَا،  
فَإِنَّ الْجَنَّةَ عِنْدَ رِجْلِهَا»

Terjemahannya: Mu‘awiyah bin Jahimah telah menceritakan bahawa dia datang menemui Nabi Muhammad s.a.w lalu berkata: “Sesungguhnya aku ingin menyertai peperangan jihad, dan aku datang untuk meminta pendapat kamu.” Lalu Nabi Muhammad s.a.w bertanya: “Adakah kamu masih mempunyai ibu?” Dia menjawab: “Ya”. Rasulullah s.a.w bersabda: “...Pergilah dan berbaktilah kepada ibu kamu, kerana sesungguhnya syurga berada di bawah kedua kakinya”<sup>27</sup>

Atau hadith lain yang turut dalam menunjukkan kelebihan ibu itu sendiri berbanding dengan bapa.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا  
رَسُولَ اللَّهِ، مَنْ أَحَقُّ النَّاسِ بِحُسْنِ صَحَابَتِي؟ قَالَ: «أُمُّكَ» قَالَ: ثُمَّ مَنْ؟ قَالَ: «ثُمَّ أُمُّكَ»  
قَالَ: ثُمَّ مَنْ؟ قَالَ: «ثُمَّ أُمُّكَ» قَالَ: ثُمَّ مَنْ؟ قَالَ: «ثُمَّ أَبُوكَ» [3]

Terjemahannya: Abu Hurairah berkata: “Datang seorang lelaki kepada Rasulullah s.a.w lalu bertanya: “Wahai Rasulullah, siapakah yang perlu aku berikan bakti yang lebih?” Rasulullah menjawab: “Ibu kamu”. Lelaki itu bertanya lagi: “Kemudian siapa?” Rasulullah menjawab: “Ibu kamu” Lelaki itu bertanya

---

<sup>27</sup> Hadith riwayat al-Hakim, Kitab al-Jihad, Bab Wa Amma Hadith ‘Abd Allah bin Yazid al-Ansari, Hadith sahih menurut al-Hakim. Rujuk Abu ‘Abdullah al-Hakim Muhammad bin ‘Abdullah bin Muhammad, *al-Mustadrak ‘ala al-Sahihain*, (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiah, t.t.), 2:114



lagi: “Kemudian siapa?” Rasulullah menjawab: “*Ibu kamu*”  
Lelaki itu bertanya lagi: “Kemudian siapa?” Rasulullah  
menjawab: “*Bapa Kamu*”<sup>28</sup>

Dalam ertikata bahawa dengan membawa hadith alterntif dalam isu ini boleh mendidik masyarakat untuk memahami hadith dan merujuk kepada sumber yang lebih sahih dan boleh dipercayai.

Rajah 1.0: Kriteria Utama Dalam Pembangunan *Website* Hadith



Sumber: Hasil Analisis

## **KEPERLUAN KRITERIA DALAM PEMBANGUNAN WEBSITE DAN SOFTWARE HADITH.**

Berdasarkan kepada cadangan kriteria yang telah dijelaskan sebelum ini, jelas menunjukkan kepada keperluan pembangunan website atau software hadith yang betul-betul dapat memberi manfaat kepada pelayarnya atau dari kalangan pelajar, penyelidik, ahli akademik atau masyarakat awam.

---

<sup>28</sup> Hadith riwayat al-Bukhari, Kitab al-Adab, Bab Man Ahaqq al-Nas bi Husn al-Suhbah, no.hadith 5971. Rujuk Muhammad 'Isma'il Abu 'Abd Allah al-Bukhari, *Sahih Bukhari*, ed. Muhammad Zuhair bin Nasir al-Nasir, (Beirut: Dar Tuq al-Najat, 1422H), 8:2.

Sebenarnya, apa yang disebutkan berkenaan dengan kriteria tersebut adalah merujuk kepada kriteria yang sewajarnya ada atau patut diberikan penekanan dalam pembangunan *website* dan *software* hadith. Keperluan tersebut adalah kerana:

[1] Dalam konteks untuk memastikan autoriti dan autentikasi hadith sebagai sumber perundangan dan sumber hukum selepas al-Quran. Maka, dalam hal ini, mesti satu tindakan tegas dilakukan yang boleh menjaga dan memelihara sumber ini daripada berlakunya penyelewengan atau sengaja diselewengkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab atau pihak yang mahu menjatuhkan Islam.

[2] Keperluan dalam konteks untuk mendidik dan membiasakan masyarakat ketika merujuk kepada hadith. Maka, secara tidak langsung, apabila masyarakat didedahkan dengan maklumat yang betul, tepat dan lengkap, sudah pasti dapat mendidik dan memberi panduan kepada mereka untuk berhujah dengan bersumberkan sumber yang diperakui kebenarannya.

[3] Kemudahan sebagai rujukan yang cepat dan berkesan dalam mendapatkan maklumat sesuatu hadith serta mendapat hadith alternatif apabila berhadapan dengan hadith yang lemah atau palsu. Secara tidak langsung, dalil-dalil daripada sumber palsu dapat ditinggalkan.

[4] Usaha dalam memastikan bahawa dalil dan sumber perundangan Islam daripada hadith dikawal selia dengan baik dan terpelihara daripada sebarang penyelewengan. Khususnya dalam membendung usaha-usaha golongan yang cuba membawa idea penolakan terhadap hadith atau berusaha menimbulkan keraguan sehingga para pembaca terpengaruh dengan dakyah-dakyah yang dibawa. Kemunculan golongan anti hadith atau anti Sunnah, golongan liberal (*free thinker*) dan sebagainya yang menolak berhujah berasaskan keterangan hadith walaupun sebahagian daripada mereka menerima al-Quran sebagai hujah mereka.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan kepada perbincangan yang telah dikemukakan, kriteria dalam pembangunan *website* hadith dan *software* hadith sewajarnya diberikan perhatian yang serius bagi semua organisasi atau individu yang mahu membangunkan sesuatu laman sesawang atau perisian yang berkaitan dengan hadith. Tambahan lagi, jika laman sesawang atau perisian tersebut memfokuskan hadith sebagai subjek utama yang dipaparkan.

Manakala bagi laman sesawang atau perisian yang hanya mengandungi dalil daripada hadith sebahagian sebahagian kecil sahaja, apa yang lebih diutamakan adalah aspek ketepatan teks Arab, terjemahan dan mengandungi sumber atau maklumat hadith yang lengkap supaya jelas diketahui status hadith-hadith tersebut.

Semoga usaha yang dilakukan ini dapat menjadi pemangkin dalam usaha untuk menjaga dan memelihara hadith dalam bentuk digital pada masa kini. Jika dahulunya para ulama hadith menitik beratkan disiplin yang ketat dalam 'Ulum al-Hadith, sudah tiba masanya untuk mengembangkan lagi disiplin tersebut dengan mengambil kira medium penyampaian dan penerimaan hadith terkini. Pada masa yang sama meraikan masyarakat semasa yang telah berubah daripada buta ICT kepada celik ICT.

**Penghargaan:** Penghargaan kepada Universiti Malaya kerana artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan Universiti Malaya (UMRG Programme) bernombor RP043B-17HNE dengan tajuk penyelidikan: "*Digitalisasi Dan Autentikasi Hadith Dalam Karya-karya Jawi Nusantara*"

## BIBLIOGRAFI

- Abū 'Abd al-Raḥmān Muḥammad Naṣr al-Dīn al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa'īfah wa al-Mawḍū'ah wa Atharīhā al-Sayyi' fī al-Ummah*, Riyād: Dār al-Ma'ārif, 1992.
- Abū 'Abdullah al-Ḥākim Muḥammad bin 'Abdullah, *al-Mustadrak 'Ala al-Ṣaḥīḥayn*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1990.
- Abū al-Ḥasan Nūr al-Dīn Muḥammad bin 'Abd al-Hādī al-Ḥanafī al-Sindī, *Hāshiyah al-Sindī 'Ala Sunan al-Nasā'ī*, Ḥalab: Maktab al-Maṭbū'āt al-Islāmiyyah, 1986.
- Ali Mustafa Yaqub, *Cara Benar Memahami Hadis*, terj. Mahfudh Hidayat Lukman, Jakarta: Pustaka Firdaus, 2016.
- David A. Crowder, *Building a Web Site For Dummies*, Indianapolis: Wiley Publishing, 2004.
- Siti Ezaleila Mustafa & Azizah Hamzah, (2011), Media Baharu yang Baharu: Trend Penggunaan Jaringan Sosial dalam Kalangan Pengguna di Malaysia, *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 2011, 13(2): 93–110.
- Faisal Ahmad Shah, *Kaedah Tepat Memahami Hadis*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press, 2017.
- Institut Kajian Hadis (INHAD), "Hadis Puasa", laman sesawang *Institut Kajian Hadis (INHAD)*, dicapai 28 Mei 2019, <http://inhad.kuis.edu.my/category/hadis-puasa/>.
- Lidwa Pusaka, "*Ensiklopedia Hadits Kitab 9 Imam*", laman sesawang *Lidwa.com*, dicapai 24 Mei 2019, <http://store.lidwa.com/get/>.
- Mohamed Amin Embi, *Aplikasi Web 2.0 Dalam Pengajaran dan Pembelajaran*, Bangi: Pusat Pembangunan Akademik, UKM, 2011.

- Mohd Shah Che Ahmad, “Hadis sahih semudah ABC”, laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 24 Mei 2019, <http://www.utusan.com.my/mega/agama/hadis-sahih-semudah-abc-1.217533>.
- Muhammad al-Fatih, “Carian Hadis”, laman sesawang *SemakHadis.com*, dicapai 24 Mei 2019, <https://semakhadis.com/browse/>.
- Muhammad bin ‘Īsā bin Sawrah, *Sunan al-Tirmidhī*, ditahqiqkan oleh Ahmad Shākir, Miṣr: Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1975.
- Muhammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, *al-Jāmi‘ al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar min ‘Umūr Rasūlillāh SAW wa Sunanihi wa Ayyāmihi*, ditahqiqkan oleh Muhammad Zuhayr bin Nāṣir al-Nāṣir, Beirut: Dār Ṭūq al-Najāh, 2002.
- Projek MyMasjid, “al-Hadith”, laman sesawang *Projek MyMasjid*, dicapai 24 Mei 2019, <http://www.mymasjid.net.my/#>.
- Shahril Nizam Zulkipli dan Ishak Suliaman, *Autoriti Hadis Di Internet*, cet. ke-2, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2015.
- “Semak Hadis Dengan Mudah,” laman sesawang *Semakhadis.com*, <http://semakhadis.com/about/>.
- Umar Muhammad Noor, *Fiqh Hadis*, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn.Bhd, 2017.
- Umar Muhammad Noor, *Fiqh Hadis*, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn.Bhd, 2017.
- Universiti Teknologi MARA (UiTM), “Mutiara Hadis”, laman sesawang *Mutiara Hadis*, dicapai 24 Mei 2019, <http://sigir.uitm.edu.my/webhadis/>.
- Nur Afiqah Zakaria & Khalid, F., Manfaat Penerapan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam Pembelajaran Matematik serta Kekangannya, dalam Nabilah Othman, Chiang Wei Luan & Nurul Syaida Md Zuki. (ed.), *Pendidikan Abad ke-21: Peranan Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Cabarannya*. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM, 2016.
- Faisal Ahmad Shah, *Takhrij Hadith: Teknik Pencarian Hadith Yang Tepat dan Berkesan*, Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, APIUM, 2010.
- Fadlan Mohd Othman, *Praktikal Takhrij Hadis Via IT*, Bandar Baru Bangi, Selangor: Bayyinah Enterprise, 2018.
- Faisal Ahmad Shah, *Hadis Daif dan Palsu: Realiti Pemakaiannya di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2017).
- Shahril Nizam Zulkipli, (2012) Pemeliharaan Hadith di Internet: kajian terhadap laman web al-Durar al-saniyyah dan Islamweb. (Disertasi

- Sarjana, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012).
- Shahril Nizam b. Zulkipli, M. Faidz b. M.Fadzil & Ishak b. Hj. Suliaman, (2011), Pembelajaran Capaian Teks Hadith Berautoriti Di Internet: Kajian Terhadap Laman Sesawang Islamweb. dlm, Fauzi Deraman, et.al, *Sunnah Nabi: Realiti dan Cabaran Semasa*, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Syed Hasan, S. N. (2015). Laman web al-Durar al-Saniyyah: Aplikasi dan Keberkesanan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kajian Hadis dalam Kalangan Pensyarah dan Pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunah, USIM. *Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*, 10(11): 194-220.
- Syed Najihuddin S.H, et al. (2009), “Persepsi Pensyarah Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah Usim Terhadap Penggunaan Laman Web Al-Durar Al-Saniyyah Dalam Mentakhrijkan Hadith” (Kertas Kerja Seminar Takhrij Hadith Nusantara: Realiti dan Keperluan Dalam Masyarakat di Universiti Malaya, 30-31 September 2009).
- Mohd. Yusuf Ismail, Mohd. Zaini Zakaria & A. Irwan Santeri Doll Kawai, (2011), Laman Sesawang Hadis Dalam Bahasa Melayu: Satu Kajian Diskriptif, dlm. Fauzi Deraman, *Sunnah Nabi: Realiti dan Cabaran Semasa*, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Untung Margono Muhadi (2009), “Keistimewaan Maktabah Syamilah Dalam Mentakhrij Hadis” (Kertas Kerja Seminar Takhrij Hadith Nusantara: Realiti Dan Keperluan Dalam Masyarakat di UM Kuala Lumpur, 30-31 Disember 2009).
- Ahmad Munjin Nasih, Lilik Nur Kholidah & Muhammad Rohman, (2018), Pemanfaatan *al-Maktabah al-Syamilah* untuk Penelurusan Referensi Digital Dalam Bahtsul Masail Bagi Guru-Guru Pesantren di Kota Malang, *Jurnal KARINNOV*, 2018, 1(1):56-63.
- Nur Aris, (2015), Digital Library: Mengenal al-Maktabah al-Syamilah, *LIBRARIA: Jurnal Perpustakaan*, 3(2): 166-180.
- Shahril Nizam, Z., Norazmi, A., Mohd Syukri, M. N., Amran, A. H., Ahmad Sanusi, A., Syed Najihuddin, S. H., & Zulkifli, M.G. (2018), Prestasi Aplikasi Hadis Digital (AHD) dalam Persekitaran Interaktif, *Proceedings*, The 5th World Conference on Islamic Thought & Civilization, 16-18 July 2018 di Casuarina Meru, Ipoh, Perak, 57-66.
- Phayilah Yama, et.al, (2018), Membangunkan Aplikasi Mobil Untuk Pemetaan Syajarat Alasaniid Dalam Kitab Sahih Muslim, Kertas Kerja, 5th International Research Management & Innovation Conference (5th IRMIC 2018), Palm Garden Hotel, Putrajaya, 7 Ogos 2018.

Mohd Syukri, M. N., Norazmi, A., Shahril Nizam, Z., Amran, A. H., Ahmad Sanusi, A. & Syed Najihuddin, S. H, (2018), Pendigitalan Hadis dalam Kerangka Revolusi Industri 4.0, *Proceedings, The 5th World Conference on Islamic Thought & Civilization*, 16-18 July 2018 di Casuarina Meru, Ipoh, Perak, 67-82.